

Dr Rozaidah Talib, ahli Parlimen paling kerap ke luar negara
Malaysiakini.com
April 17, 2007

Dr Rozaidah Talib merupakan Ahli Parlimen yang paling kerap melawat ke luar negara kerana tugas rasmi sepanjang tiga tahun lalu yang melibatkan tuntutan perbelanjaan sebanyak RM141,391.06, kata Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Katanya, Dr Rozaidah ke luar negara sebanyak 11 kali bagi menghadiri Persidangan Ahli Parlimen Komanwel (CPA) di mana beliau merupakan wakil rantau Asia Tenggara bagi Ahli Parlimen Wanita Komanwel.

Sebahagian daripada perbelanjaannya, seperti tambang kapal terbang, dibayar oleh ibu pejabat CPA, kata Abdullah dalam jawapan bertulis kepada soalan Fong Po Kuan (DAP-Batu Gajah), demikian menurut laporan Bernama.

Fong meminta Perdana Menteri menyatakan nama 10 ahli Parlimen yang kerap melawat ke luar negara, berapa kali lawatan dari 2004 sehingga tahun lalu dan jumlah perbelanjaan yang terlibat.

Abdullah berkata ahli Parlimen lain ialah Dr Junaidy Abdul Wahab (BN-Batu Pahat) sebanyak lapan kali dengan tuntutan perbelanjaan RM60,812.27; Datuk Markiman Kobiran (BN-Hulu Langat) lapan kali (RM69,440.72); Datuk Seri Syed Razlan Syed Putra Jamalullail (BN-Arau) enam kali (RM38,659.28); dan Datuk Dr Raman Ismail (BN-Gombak) lima kali (RM116,834.26).

Anggota lain ialah Datuk Raja Ahmad Zainuddin Raja Omar (BN-Larut) empat kali (RM100,955); Datuk Tan Lian Hoe (BN-Bukit Gantang) tiga kali (RM9,597.50); Datuk Idris Haron (BN-Tangga Batu) tiga kali (RM33,686.80); Datuk Wan Junaidi Tuanku Jaafar (BN-Santubong) dua kali (RM14,312) dan Razali Ibrahim (BN-Muar) dua kali (RM17,395.75).

Perdana Menteri berkata, Markiman dan Syed Razlan merupakan anggota Jawatankuasa Pertubuhan Antara Parlimen Asean (AIPO) Malaysia yang telah dilantik untuk menganggotai Jawatankuasa Adhoc AIPO bagi mengkaji dan merangka statut AIPO yang baru.

Abdullah berkata, beberapa siri mengenai mesyuarat ini telah diadakan sejak 2004 dan statut yang baru ini akan dibentang dan diluluskan pada persidangan AIPO ke-28 di Kuala Lumpur, Ogos ini.

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd.
Source : <http://www.malaysiakini.com/news/66072>